

CNS0921

U GB 28-03 00153 BB030

BAH

Mahathir - Sabar

KOTA BAHARU, 28 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan rakyat Kelantan supaya bersabar, terutama pada bulan puasa, kerana mengalami pelbagai masalah akibat kekalahan teruk Barisan Nasional di Kelantan pada pilihan raya umum yang lepas.

Perdana Menteri berkata sebagai orang Islam, mereka harus bersabar dan mengambilnya sebagai iktibar terhadap kekalahan dan apa yang sedang berlaku di negeri ini sekarang.

Baigaimanapun, masalah yang dihadapi itu amat kecil berbanding dengan masalah yang dihadapi oleh umat Islam di negara-negara lain seperti Kuwait, Iraq dan Palestin, katanya ketika berucap selepas upacara sembahyang hajat yang didakan di Bangunan UMNO di sini.

Katanya, mereka perlu berbuat demikian kerana tidak dapat menerima cara pemerintahan kerajaan yang ada di negeri ini sekarang, dan beliau menambah kata rakyat sekarang sudah sedar dan ada yang sehingga sanggup nak pilih yang lain,+ -- Lagi

♥28/03/16-49MST

CNS0924

U GB 28-03 00101 BB031

BAH

Mahathir - Sabar 2 Kota Baharu

Beliau berkata akibat tindakan kerajaan negeri juga ada pula sesetengah daripada Parti Semangat 46 keluar daripada gabungan parti yang memerintah negeri ini sekarang.

Katanya: +Anggota Semangat yang hendak keluar eloklah keluar dan manakala yang tidak mahu keluar boleh menyertai PAS kerana dengan berbuat demikian kita dapat mengenal pasti siapa mereka yang sebanar+.

Mengenai lawatan rasminya ke Kelantan, Perdana Menteri berkata mungkin belum tiba waktu yang sesuai lagi.

Menurutnya, setakat ini beliau belum menolak pelawaan yang dibuat oleh kerajaan negeri itu. -- Bernama

♥28/03/16-50MST